

'PM, tolonglah bantu kami'

UM-15/9/2020 m/s: 31

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

MELAKA: Para peniaga kraftangan dan makanan di Pahlawan Walk di sini yang menerima kunjungan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengharapkan sektor ekonomi negara segera pulih susulan pandemik Covid-19.

Seorang peniaga pakaian, **Fariza Nabila Hashim**, 34, berkata, mereka bergantung kepada sektor pelancongan yang memberi peluang kepada penjunjung untuk berbelanja.

"Malah, kami masih terkesan kerana kehadiran pelancong luar negara belum dibenarkan sehingga kini dan kami hanya mengharapkan pelancong domestik sahaja," katanya ketika ditemui hari ini.

Muhyiddin yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini

meluangkan kira-kira satu jam untuk beramah mesra dengan peniaga di pusat jualan tersebut.

Beliau turut mengambil peluang untuk menikmati makanan tengah hari di situ sambil ditemani Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali.

Tambah Fariza Nabila, walaupun memahami risiko pembukaan semula sempadan negara, dia berharap penyelesaian terbaik dapat dicapai supaya para peniaga boleh berniaga dengan selesa.

Sementara itu, peniaga dodol, **Hamzan Malik**, 20, berkata, dia juga sempat berkongsi kesukaran yang dihadapi para peniaga kecil bersama Perdana Menteri walaupun dalam masa yang singkat.

"Saya tak sempat berbual panjang kerana Tan Sri Muhyiddin ingin melawat semua peniaga di sini tetapi saya katakan

kepada beliau agar dapat terus membantu peniaga kecil seperti kami.

"Malah, saya juga berharap negara kembali stabil secepat mungkin dan pergerakan orang ramai kembali seperti biasa walaupun perlu mematuhi prosedur standard operasi (SOP)," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi peniaga, **Mohd. Ikmal Sulaiman**, 28, berkata, dia turut berharap pihak berkaitan dapat memberi kelonggaran untuk mereka membayar sewa bulanan di Pahlawan Walk.

"Kami masih dalam fasa pemulihan selepas dibenarkan beroperasi semula. Walaupun ada moratorium dan bantuan-bantuan disalurkan, kami perlu memastikan perniagaan kembali semula seperti sebelum Covid-19 dahulu," katanya.



MUHYIDDIN Yassin melihat demonstrasi membuat dodol sambil ditemani Sulaiman Md. Ali (kanan) ketika meninjau Pahlawan Walk di Banda Hilir, Melaka. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD